


Tel. : 2383006  
Fax : 2383244



جَنَابَتِ بُوْرُوَا  
مَكْتَبَتِ حَالِ اَلْخَوَالِدِ الْمَرْكَزِي  
DEPARTMENT OF LABOUR  
MINISTRY OF HOME AFFAIRS  
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910  
BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan Kami : PJB/7300/3  
Our Reference :

8 Safar 1443  
15 September 2021

Yang Mulia,  
Majikan/Pemilik/ Pengurus  
Entiti Perniagaan, Institusi Swasta,  
Koperasi, Persatuan, Kelab dan  
Badan-Badan Berkanun  
Negara Brunei Darussalam

Tuan/ Puan,

**Per: BANCING TAHUNAN MAJIKAN/PEKERJA, GAJI, PENDAPATAN DAN JAM BEKERJA  
BAGI TAHUN 2021 - BUSINESS REPORTING SYSTEM [BRS]**

Dengan hormat sukacita memaklumkan kepada Tuan/ Puan bahawa Bancing Tahunan Majikan/Pekerja 2021 seperti lazimnya akan dilaksanakan menggunakan *BUSINESS REPORTING SYSTEM [BRS]*.

2. Penghantaran maklumat bancing akan menggunakan kaedah atas talian [online] melalui laman jaringan: [www.business.mofe.gov.bn/SitePages/OBR.aspx](http://www.business.mofe.gov.bn/SitePages/OBR.aspx) dengan menggunakan *username* majikan/pemilik/pengurus yang boleh diperolehi melalui pendaftaran ke *E-Darussalam*.
3. Sehubungan itu, Jabatan ini memohon kerjasama Tuan/ Puan supaya akan dapat mengemaskini maklumat-maklumat para pekerja (tempatan dan asing), di bawah tanggungan Entiti Perniagaan, Institusi Swasta, Koperasi, Persatuan, Kelab dan Badan-Badan Berkanun Tuan/ Puan, yang masih berkhidmat **sehingga/pada 30<sup>hb</sup> Oktober 2021** dan termasuk juga maklumat Tuan/Puan sebagai majikan/pemilik/pengurus, seperti yang diperlukan di dalam *Business Reporting System*.
4. Maklumat berkaitan bancing yang telah dilengkapkan **HANYA akan dapat dihantar melalui BUSINESS REPORTING SYSTEM mulai 31<sup>hb</sup> Oktober 2021** dan tarikh akhir penerimaan maklumat yang berkenaan secara *ONLINE* ialah pada **30<sup>hb</sup> November 2021**. Bagi yang hanya menggaji tenaga kerja yang terdiri daripada anak-anak tempatan (tiada pekerja asing) juga dikehendaki untuk melengkapkan maklumat bancing ini, manakala bagi yang sudah tidak beroperasi lagi juga diperlukan mengemaskini maklumat berkaitan.

J. .. /2-

5. Sukacita disarankan dan dipohonkan kerjasama Tuan/Puan sebagai majikan/pemilik/pengurus untuk sebolehnya dapat melengkapkan maklumat banci sendiri. Ini adalah bagi mengelakkan penyalahgunaan maklumat sulit banci Tuan/Puan oleh pihak ketiga yang Tuan/Puan telah diamanahkan untuk melengkapkan maklumat banci Tuan/Puan.
6. Tuan/Puan akan dimaklumkan melalui emel [*email*] yang didaftarkan untuk mengambil **Resit Penyata Maklumat Banci**, setelah maklumat banci yang dihantar disahkan lengkap. Jika maklumat Banci didapati tidak lengkap, satu pemberitahuan juga akan dihantar melalui emel [*email*], mengenai dengan ketidaklengkapan maklumat Banci berkenaan. Tatacara untuk mengakses *Business Reporting System* boleh di muat-turun melalui laman jaringan [www.business.mofe.gov.bn/SitePages/OBR.aspx](http://www.business.mofe.gov.bn/SitePages/OBR.aspx) atau [www.labour.gov.bn](http://www.labour.gov.bn)
7. Untuk makluman, Resit Penyata Banci Majikan/Pekerja 2020 yang telah dikeluarkan bagi Banci Tahunan Majikan/Pekerja 2020 adalah **dimansuhkan dan tidak dapat digunakan** lagi mulai **31 Oktober 2021**.
8. Untuk mendapatkan penerangan lanjut, sila rujuk ke **Bahagian Kajian dan Perangkaan, Jabatan Buruh [seperti Lampiran A]**.
9. Untuk Peringatan, Banci Tahunan Majikan/Pekerja, Kadar Gaji Pendapatan dan Jam-Jam Bekerja adalah mengikut Peruntukan Akta Maklumat Pekerjaan 1974, Penggal 99 dibawah Seksyen 3(1). Menurut Seksyen 8(1) dalam Akta berkenaan, **mana-mana majikan yang a) sengaja menolak atau mengabaikan untuk memberikan butir-butir atau maklumat yang diperlukan dalam masa yang dibenarkan, atau b) dengan sengaja memberi atau butir-butir atau maklumat palsu; atau c) enggan menjawab, atau dengan sengaja memberikan jawapan palsu dalam soalan yang perlu untuk mendapatkan apa-apa maklumat atau butir-butir yang dikehendaki di bawah Akta ini, adalah melakukan satu kesalahan dan boleh didenda sebanyak Dua Ribu Lima Ratus Ringgit (\$2,500.00) dan penjara enam (6) bulan, dan jika berterusan denda sebanyak Lima Puluh Ringgit (\$50.00) sehari akan dikenakan.**

Kerjasama Tuan/Puan adalah sangat diharapkan dan terlebih dahulu diucapkan berbanyak terima kasih.

*"Perkhidmatan Berasaskan Kesabaran dan Keyakinan"*

*"Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara"*

Dengan hormat



[ MUHAMMAD SAUFI BIN AWANG HAJI IBRAHIM ]

Pesuruhjaya Buruh  
Negara Brunei Darussalam